

Penularan COVID-19

Jangkitan kembali melebihi 4,000 kes

10 kematian direkodkan semalam dengan 9 kluster baharu dikesan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jangkitan kes baharu COVID-19 di negara ini kembali meningkat melebihi 4,000 kes semalam, selepas empat hari berturut-turut mencatat angka di bawah jumlah itu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 4,094 kes baharu yang dicatat semalam menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia kepada 198,208 kes dengan 43,192 kes aktif.

Katanya, sebanyak 10 kematian turut direkodkan, menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat COVID-19 setakat ini kepada 717 orang.

Pada masa sama, beliau berkata, sejumlah 3,281 kes sembuh dicatatkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif sembuh daripada COVID-19 ialah 154,299 orang.

"Daripada kes baharu yang dicatat hari ini (semalam), sebanyak 4,086 adalah kes tempatan dengan 3,328 warganegara dan 758 bukan warganegara, manakala lapan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, membabitkan dua warganegara dan enam bukan warganegara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor masih mencatat kes harian baharu tertinggi dengan 1,577, diikuti Johor (717 kes), Kuala Lumpur (678), Sabah (282), Sarawak (171), Pulau Pinang (99), Perak (94), Kedah (92), Terengganu (80), Melaka (73), Pahang (72), Labuan (55), Negeri Sembilan (48), Kelantan (37), Putrajaya (10) dan sembilan kes di Perlis.

Katanya, sembilan kluster baharu dikesan semalam dengan satu daripadanya membabitkan sebuah pusat asuhan di Labuan.

"Kluster Taman Mahkota Impian di Labuan membabitkan pe-



Keadaan Jalan Ampang berhadapan KLCC lengang walaupun cuti umum Thaipusam, semalam susulan pelaksanaan PKP. (Foto Mahzir Mat Isa/BH)

kerja dan pelajar pusat asuhan di Taman Mahkota Impian, Sungai Buton dengan tujuh kes positif dan 83 saringan dilakukan," katanya.

Semua kluster yang dikesan membabitkan lima kluster tempat kerja, tiga kluster komuniti dan satu kluster membabitkan kumpulan berisiko tinggi.

Di Johor, katanya, tiga kluster baharu dikesan di tiga kilang iaitu Kluster Jalan Faizal di Pontian dengan 68 kes, Kluster Jalan Satria (38) dan Kluster Jalan Dewani Satu (16).

Beliau berkata, Kluster Jalan Pakat di Ijok, Kuala Selangor membabitkan 27 kes, manakala di Sarawak, Kluster Indah Riang daripada satu majlis sosial dihadiri kes indeks sudah merebak sehingga daerah Kuching, Si-

munjan, Samarahan dan Saratok dengan 20 kes dilaporkan positif dalam ujian saringan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Melaka mencatat Kluster Jalan Kejora membabitkan daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin serta merebak ke Bandar Baharu di Kedah dengan sejumlah 36 kes positif dikesan.

"Dua kluster dikesan di Pahang, iaitu Kluster Industri Peramu Jaya dan Kluster Kampung Kemansur dengan masing-masing mencatat 11 kes," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 779 kluster dikesan di negara ini sehingga kini dengan 372 daripadanya adalah kluster aktif.

Katanya, seramai 303 orang kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 118 kes memerlukan bantuan pernafasan.